



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

**SIARAN MEDIA
ADVOKASI KPWKM KASIH KANAK-KANAK
BUKTI KOMITMEN KEMENTERIAN LINDUNGI KANAK-KANAK**

KUALA LUMPUR, 18 SEPTEMBER – Program Advokasi Kanak-Kanak : Kasih Kanak-Kanak oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) hari ini telah dirasmikan oleh YB Menteri Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat bertempat di Sekolah Kebangsaan Seri Tasik, Cheras Kuala Lumpur.

Fokus utama kementerian iaitu menjaga kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan kumpulan sasaran khususnya kanak-kanak sentiasa diberi penekanan melalui pelbagai program advokasi dan juga khidmat sokongan. Program Advokasi Kanak-Kanak ini adalah antara usaha berterusan kementerian dalam mengerakkan semua anggota masyarakat agar bersama melindungi dan membina persekitaran selamat untuk kanak-kanak. Program Advokasi hari ini menjadi platform kepada masyarakat setempat khususnya guru-guru, PIBG dan komuniti setempat untuk berperanan dalam membantu KPWKM mencegah berlakunya peningkatan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak. Usaha ini akan berterusan dan KPWKM akan terus mengadakan perbincangan terperinci dengan KPM untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan advokasi ini dilaksanakan di sekolah seluruh negara. KPWKM juga akan mengadakan kerjasama rentas kementerian bagi memastikan impak optimum Advokasi Kasih Kanak-Kanak ini.

Sebagai sebuah negara yang menganggotai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Malaysia turut meratifikasi Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak pada 17 Februari 1995 yang memberi tumpuan khusus terhadap empat (4) hak kanak-kanak iaitu kelangsungan hidup (*survival*), perlindungan (*protection*), perkembangan (*development*) dan penyertaan (*participation*). Kementerian komited dalam memberikan hanya yang terbaik kepada kanak-kanak di negara ini.

Berdasarkan rekod, daripada Januari hingga Mei 2023, Kementerian melalui JKJ telah mengendalikan sebanyak 2,959 kes yang melibatkan penderaan dan pengabaian berbentuk penderaan fizikal, seksual, emosi dan pengabaian. Daripada jumlah tersebut 326 kes melibatkan kes yang berlaku di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL). WPKL mencatatkan negeri ketiga kes tertinggi selepas Selangor (647 kes) dan diikuti Sabah (333 kes).

Kementerian juga turut menubuhkan sebanyak 140 Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK), 133 Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK) dan 142 Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) bagi memainkan peranan menjadi mata dan telinga sekaligus mewujudkan program

advokasi kepada masyarakat setempat. Kerjasama strategik dengan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga turut diadakan sebagai sinergi antara kementerian dalam meneruskan program advokasi kepada masyarakat lebih cakna dalam isu ini.

Talian Kasih iaitu talian prihatin masyarakat diwujudkan KPWKM sebagai diakses kepada orang awam dan berfungsi sebagai 'single point of contact' kepada masyarakat sebagai usaha mewujudkan persekitaran selamat kepada kanak-kanak. Sebarang bentuk pengabaian dan penderaan kanak-kanak bolehlah dilaporkan di **Talian Kasih 15999** atau **Whatsapp 019 261 5999** atau **kunjungi mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang berhampiran** atau **menghubungi mana-mana Balai Polis yang berdekatan**.

Majlis turut dihadiri oleh YB Puan Fadhlina binti Sidek, Menteri Pendidikan Malaysia, YB Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan pegawai-pegawai kanan Kementerian.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
18 SEPTEMBER 2023**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)

Tel.: 03-8000 8000 | Faks: 03-8323 2037

 kpwkm  kpwkm  kpwkm  kpwkm tv  kpwkm